



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)

Bilangan 6 Tahun 2020

PELAKSANAAN GARIS PANDUAN PENGURUSAN ICT

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan dua (2) Garis Panduan baharu Pengurusan ICT bagi tahun 2020. Garis panduan ialah pernyataan umum mengenai apa yang harus dilakukan untuk mencapai objektif dasar. Ia merupakan dokumen perincian sokongan kepada Dasar ICT UiTM.

LATAR BELAKANG

2. Dasar ICT dan Garis Panduan Pengurusan ICT digubal adalah bagi menyatakan peranan dan tanggungjawab pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam mengurus, mentadbir dan melaksanakan pembangunan perkhidmatan ICT.

3. Mesyuarat JPPIT Bil.10/2020 pada 13 Oktober 2020 telah meluluskan Garis Panduan Peminjaman Perkakasan ICT UiTM.

4. Mesyuarat JPPIT Bil.11/2020 pada 12 November 2020 telah meluluskan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT.

5. Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bilangan 5 tahun 2020, Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan ICT yang dikeluarkan pada 30 Jun 2020 memaklumkan tiga (3) garis panduan pengurusan ICT iaitu Garis Panduan Pembangunan Sistem dan Aplikasi (Bil.01/2020), Garis Panduan Pengurusan Projek ICT UiTM (Bil.02/2020) dan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT (Bil.03/2020).

6. Garis Panduan Pengurusan ICT memperjelaskan dengan terperinci mengenai apa yang harus dilakukan dalam menjalankan sesuatu aktiviti/ tugas/kerja untuk mencapai objektif dasar dengan menyediakan rangka kerja bagi pelaksanaan prosedur. Garis panduan merupakan suatu cadangan pelaksanaan yang harus difahami dan dipatuhi oleh setiap pengguna kemudahan ICT Universiti.

PELAKSANAAN

7. Pelaksanaan dua (2) Garis Panduan baharu Pengurusan ICT adalah seperti berikut:

1) Bil. 04/2020 - Garis Panduan Peminjaman Perkakasan ICT UiTM

Garis Panduan ini menggariskan tatacara peminjaman dan tanggungjawab serta peranan pengguna di dalam penggunaan perkakasan ICT UiTM. Pengguna UiTM bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan perkakasan ICT yang dipinjam sepanjang tempoh peminjaman. Perkakasan ICT yang dibenarkan untuk dipinjam adalah hakmilik UiTM dan bukan berkategori sewaan. Bagi tujuan tersebut, pengguna perlu mengisi Borang Akaun Pinjaman Perkakasan ICT.

2) Bil.05/2020- Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT

Garis Panduan ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Majlis Eksekutif Universiti (MEU) Bil.28/2020 pada 02 September 2020 yang telah meluluskan cadangan penjimatan penggunaan komputer sewaan UiTM. Keputusan MEU berhubung cadangan tersebut secara tidak langsung melibatkan perubahan terhadap pelaksanaan pengagihan perkakasan ICT UiTM. Objektif Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT disediakan adalah bagi memastikan warga UiTM mendapat kemudahan perkakasan ICT, UiTM dapat mengawal dan merancang agihan dengan lebih berkesan serta dapat mengelakkan pembaziran sumber melalui agihan yang optimum.

CAPAIAN DOKUMEN

8. Dokumen Garis Panduan Pengurusan ICT boleh dimuat turun melalui capaian <https://ppii.uitm.edu.my/>.

PEMBATALAN

9. Garis Panduan Peminjaman Perkakasan ICT Bil. 04/2020 akan membatalkan Garis Panduan Penggunaan Komputer Peribadi, Komputer Riba dan Perkakasan Komputer Bil.02/2018.

10. Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT Bil. 05/2020 akan membatalkan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan ICT Bil.03/2020.

11. Pekeliling ini akan membatalkan Pekeliling Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer Bilangan 01 Tahun 2015 bertarikh 1 Mei 2015 dan Pekeliling ICT Bil.01/2019 bertarikh 16 Januari 2019.

PEMAKAIAN

12. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua warga Universiti Teknologi MARA.


13. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bilangan 5 Tahun 2020: Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan ICT

TARIKH DIKELUARKAN

14. Pekeliling ini dikeluarkan pada 23 Disember 2020

TARIKH KUAT KUASA

15. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 25 Disember 2020.



PROF. Ts Dr MOHD FOZI BIN ALI
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
Merangkap Ketua Pegawai Maklumat (*Chief Information Officer- CIO*)

Dikelilingkan kepada:

*Semua Timbalan Naib Canselor
Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Dekan Fakulti
Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit
Semua Warga UiTM*

*Bil. Fail : 100-PPII (PTA 6/7/3)
No. Siri : Pekeliling TNC (Pembangunan)*